


Kosmo 281041 2010  
MIS 4



CAMERON Highlands dahulu (kiri) sentiasa diselubungi suasana nyaman tetapi pembangunan tanpa kawalan (kanan) membawa impak yang besar dari segi perubahan cuaca di kawasan itu.  
- Gambar hiasan

# Suhu makin meningkat di Malaysia

**KUALA LUMPUR** - Analisis rekod suhu di Malaysia menunjukkan trend pemanasan yang konsisten dengan trend pemanasan suhu global dan pemerhatian terkini mendapati suhu purata negara meningkat sebanyak 1.1 darjah Celsius dalam masa 50 tahun lepas.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Uggah Embas berkata, pemerhatian

terkini juga mendapati paras laut pula meningkat pada kadar purata 1.25 milimeter setahun.

"Berdasarkan *climate modelling* yang dilakukan bagi tempoh 100 tahun akan datang, suhu dijangka meningkat antara +0.7 darjah Celsius hingga +2.6 darjah Celsius," katanya ketika menjawab soalan Senator Dr. Syed Husin Ali di Dewan Negara semalam.

"Dalam tempoh tersebut, taburan hujan juga dijangkakan berubah dalam julat -30 peratus hingga +30 peratus," katanya.

Beliau berkata, perubahan itu boleh menyebabkan corak taburan hujan berubah, sekaligus akan berlakunya kejadian banjir dengan lebih kerap.

Syed Husin bertanya apakah kesan pema-

nasan global kepada negara ini dari sekarang hingga hujung abad ini dari segi perubahan suhu, taburan hujan serta paras laut.

Douglas berkata, kesan peningkatan suhu global yang membawa perubahan kepada iklim negara boleh menyebabkan penyakit bawaan vektor seperti taun, malaria dan demam denggi berlaku lebih kerap. - Bernama